

14 OCT 2001

TEMURAMAH KHAS DR MAHATHIR MENGENAI SERANGAN KE ATAS AMERIKA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bercakap mengenai kesan daripada serangan penganas terhadap Amerika Syarikat dan pengeboman di Afghanistan, dalam satu temuramah khas di TV1 malam esok.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata temuramah khas itu akan disiarkan pada pukul 9 malam, selepas siaran Berita Perdana.

Temuramah itu mengenai kesan kepada ekonomi, politik dan keselamatan negara akibat serangan penganas pada 11 Sept lepas terhadap World Trade Center di New York dan Pentagon di Washington serta tindakan Amerika dan sekutunya Britain memerangi keganasan dengan mengebom Afghanistan.

Dr Mahathir akan ditemubual oleh pengarang berita kanan Utusan Malaysia Aziz Ishak dan pengarang berita kanan The Star Wong Chun Wai.

Ketua pasukan komunikasi Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Abdul Rahman Sulaiman, adalah moderatornya.

-- BERNAMA
AKT KHY MAI